



Ruj. Kami : KKM.600-7/2/1 Jld. ( )

Tarikh : 29 November 2022

Pengurus  
GMI Marketing (Malaysia) Sdn Bhd  
61-1, Jalan MH 1, Taman Muzaffar Heights,  
75450 Ayer Keroh  
Melaka

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN SEMAKAN PELABELAN MAKANAN**  
**NAMA PRODUK: CAMPURAN MINUMAN BOTANI KULIT ANGGUR DENGAN**  
**SUSU TEPUNG KOLOSTRUM DAN KOLAGEN**  
**JENAMA: JOIINT PURO**  
**NO. PERMOHONAN: FLS0922001-1**

Dengan hormatnya permohonan di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini **tiada halangan** ke atas label produk di atas seperti yang dilampirkan bersama-sama surat ini. Pihak tuan/puan dinasihatkan agar menggunakan label yang dilampirkan sahaja bagi tujuan pasaran produk berkenaan di negara ini.

3. Adalah dimaklumkan bahawa semakan dan penilaian ke atas permohonan ini dibuat berdasarkan kepada maklumat dan dokumentasi yang dikemukakan oleh pihak tuan/puan. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan produk tuan/puan mematuhi:

- 3.1. **Peraturan 356**, Peraturan-Peraturan Makanan 1985;
- 3.2. Peruntukan lain yang berkaitan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



PERMOHONAN SEMAKAN PELABELAN MAKANAN

NAMA PRODUK: CAMPURAN MINUMAN BOTANI KULIT ANGGUR DENGAN SUSU TEPUNG KOLOSTRUM DAN KOLAGEN

JENAMA: JOIINT PURO

NO. PERMOHONAN: FLS0922001-1

4. Pihak tuan/puan diingatkan untuk tidak membuat sebarang akuan yang dilarang dalam sebarang aktiviti pemasaran termasuk pengiklanan dan bertanggungjawab untuk memastikan label tersebut sentiasa mematuhi segala peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya termasuk Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

5. Adalah ditegaskan bahawa surat dan nombor rujukan surat tidak boleh digunakan sebagai kelulusan atau untuk tujuan pengiklanan produk tuan/puan. Surat ini akan **terbatal** sekiranya terdapat apa-apa pengubahsuaian kepada formulasi dan label serta percanggahan maklumat dan dokumentasi yang dikemukakan semasa permohonan berbanding label produk di pasaran.

6. Untuk makluman tuan/puan, keperluan pelabelan makanan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (Pindaan) (No.4) 2020 akan mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2024. Pindaan tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://fsq.moh.gov.my> untuk makluman dan tindakan lanjut pihak tuan/puan.


7. Jika terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan boleh berhubung dengan Seksyen Komoditi dan Pelabelan Makanan di talian 03-8885 0797 sambungan 4061 atau melalui emel di alamat : [labelbkkm@moh.gov.my](mailto:labelbkkm@moh.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR KAMILAH BINTI MOHAMAD ALWI)**

b.p Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

SJM